

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)
Hari/Tarikh: 18/11/2016
Muka surat: 4

Tajuk : 1,168 graduan sidang terakhir Konvokesyen UNIMAS

4

JUMAAT • 18 November 2016 • 18 Safar 1438H •

TEMPATAN

Utusan Sarawak



UNTUK ALBUM ... Ahli Senat Universiti Malaysia Sarawak bergambar sebelum bermulanya sidang terakhir Konvokesyen UNIMAS ke-20.



RAMAI... Kehadiran tetamu termasuk graduan dianggarkan mencecah 3,800 orang pada sidang terakhir.

1,168 graduan sidang terakhir Konvokesyen UNIMAS

KOTA SAMARAHAN: Sidang keempat dan terakhir Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ke-20 tahun ini menyaksikan graduan daripada tiga fakulti universiti berkenaan menerima ijazah masing-masing.

Graduan yang bergraduasi Bahagian Canselori

adalah daripada Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) seramai 612 orang, Fakulti Kejuruteraan (FK) seramai 393 orang dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) seramai 213 orang.

Antara graduan FSTS adalah daripada program biote-

knologi sumber, kimia sumber, sains dan pengurusan sumber akuatik, sains dan pengurusan sumber tumbuhan dan sains dan pengurusan sumber haiwan.

Manakala graduan daripada FK pula terdiri daripada graduan program kejuruteraan sivil,

kejuruteraan kimia, kejuruteraan mekanikal dan pembuatan, elektronik (telekomunikasi) dan kejuruteraan elektronik.

Sementara graduan daripada FSKTM pula terdiri daripada program sains komputer, sistem maklumat, pengkomputeran multimedia, kejuruteraan peri-

isian dan pengkomputeran rangkaian.

Sidang terakhir Konvokesyen UNIMAS Ke-20 disempurnakan Yang di-Pertua Negeri yang juga Canselor UNIMAS, Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud.

Majlis konvokesyen UNIMAS Ke-20 tahun ini mencatat seja-

rah baharu dengan peningkatan jumlah graduan yang menerima ijazah merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu ijazah doktor falsafah, ijazah sarjana dan ijazah sarjana muda seramai 4,275 orang.

Jumlah itu termasuk 67 graduan Doktor Falsafah (PhD),

Ijazah Sarjana (337 orang) dan Ijazah Sarjana Muda (3,871 orang).

Konvokesyen selama empat hari dalam empat sidang bermula 14 sehingga 17 November di Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA) UNIMAS.